

Set 1

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**NO. KAD PENGENALAN :**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**ANGKA GILIRAN :**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**1103/1**

**Kertas 1**

2 jam

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **pilih satu** soalan sahaja daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas kjang.

## BAHAGIAN A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Baca e-mel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel diberi. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

### E-mel 1

Daripada	aminah@gmail.com
Kepada	suraya@yahoo.com
Subjek	Kebaikan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR)
<p>Salam sejahtera, Kennie.</p> <p>Apa khabar saudari di sana? Saya dan keluarga di sini sihat-sihat sahaja. Sejak saya berpindah ke sekolah baharu, kita sudah jarang-jarang berutus e-mel. Untuk makluman saudari, saya sibuk membuat persiapan untuk peperiksaan penggal pertama. Saya yakin bahawa saudari juga sedang membuat ulang kaji pelajaran bersama rakan-rakan kita yang lain.</p> <p>Sebenarnya, tujuan saya mengutus e-mel ini adalah untuk menyuarakan kebimbangan saya selama ini. Saya tidak berminat untuk menyertai Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) kerana saya berasa sangat bosan dan sukar untuk bertanya dengan guru tentang topik yang diajar. Oleh itu, bolehkah saudari menerangkan kebaikan pelaksanaan PdPR kepada saya dari segi pengurusan masa, penguasaan teknologi dan pencarian maklumat tambahan? Saya meminta pendapat saudari memandangkan saudari sering memperoleh markah tertinggi di dalam kelas pada setiap kali peperiksaan. Saya akan menanti balasan e-mel daripada saudari. Sekian, terima kasih.</p> <p>Sahabatmu, <b>Aminah</b></p>	

E-mel 2

Daripada	hassan@yahoo.com
Kepada	halim@yahoo.com
Subjek	Peranan media massa kepada ekonomi, masyarakat dan komunikasi antara kerajaan
<p>Selamat sejahtera sahabatku, Halim.</p> <p>Apa khabar saudara sekarang? Saya berharap saudara yang saya sayangi sentiasa hidup bahagia dan juga ahli keluarga sihat-sihat belaka.</p> <p>Saya meminta maaf kerana telah lama tidak berhubung dengan saudara yang jauh di mata. Pada kali ini saya ingin memohon bantuan saudara untuk bertanyakan peranan media massa kepada ekonomi, masyarakat dan komunikasi antara kerajaan dengan masyarakat. Saya sedar bahawa saudara amat cakna berkenaan dengan peranan media massa. Bolehkah saudara berkongsi dengan saya tentang peranan media massa berdasarkan pengalaman saudara?</p> <p>Saya menantikan respons daripada saudara.</p> <p>Sahabatmu,</p> <p><b>Hassan</b></p>	

## BAHAGIAN B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Budi Bahasa Budaya Kita merupakan slogan kebanggaan negara dalam membina negara dan bangsa. Budi bahasa ialah norma kehidupan masyarakat Malaysia yang terkenal dengan santun perkataannya dan indah pertuturannya. Kepentingan mengamalkan budaya berbudi bahasa ialah seseorang itu akan dihormati, perpaduan kaum dalam masyarakat dapat diperkukuh dan pelancong akan seronok melancong ke negara ini.

*Sumber: Internet*

Petikan di atas menyatakan kepentingan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan berbudi bahasa dapat melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Tulis rencana yang bertajuk “Kepentingan Budi Bahasa dalam Kalangan Masyarakat”.

2

Kehidupan remaja biasanya dipenuhi dengan pelbagai kegiatan termasuk kegiatan di tempat terbuka. Kegiatan ini boleh mendedahkan remaja kepada cahaya matahari dan debu yang boleh merosakkan kulit.

Dipetik daripada “Wajah Dambaan Hati”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Berdasarkan pernyataan tersebut penjagaan kulit sememangnya sangat penting bagi mengelakkan kulit daripada menjadi rosak.

Bincangkan implikasi sekiranya remaja tidak menjaga kebersihan kulit.

3

Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO). Dengan slogan “KL Baca : Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan”, pengiktirafan ini diharapkan akan dapat menyemarakkan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sumber /: Buku Teks Tingkatan 4 muka surat 22

Selain langkah di atas, huraikan langkah-langkah untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan remaja.

4

Perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia boleh dikaitkan dengan alam semula jadi, iaitu mempunyai tanah yang kaya dengan mineral, corak taburan hujan yang baik dan bekalan air yang mencukupi untuk pertumbuhan tanaman. Kini produk pertanian Malaysia tidak terhad kepada hasil ladang seperti kelapa sawit, getah, koko yang mempunyai komoditi besar negara.

*Sumber : BH Online, Sabtu, 7 Julai 2017*

Sebagai respons kepada petikan akhbar di atas membuktikan bahawa Malaysia merupakan negara yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Walaupun sektor ini boleh menjamin masa depan akan tetapi kerjaya dalam sektor pertanian dikatakan kurang diminati oleh generasi muda.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Set 1

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**NO. KAD PENGENALAN :**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**ANGKA GILIRAN :**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**1103/2**

**Kertas 2**

2 jam 30 minit

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian. **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas kajang.

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata sendi nama. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kedudukan guru amat dimuliakan dalam mana-mana agama sekalipun. Guru perlu dihormati dan disanjung. Kita belajar membaca dan mengira daripada guru. Lulus peperiksaan kerana ilmu yang diberikan oleh guru. Berjaya masuk ke universiti di dalam atau di luar negara juga disebabkan peranan guru yang dimiliki kelak sama ada menjadi doktor, peguam, polis, akauntan, jurutera, juruterbang, guru, ahli bomba, jururawat, dan sebagainya ialah hasil daripada ilmu yang ditimba daripada mereka yang bergelar guru.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Cikgu, Jasamu Kusimpan di Hati Nurani*  
Oleh *Normah Ahmad*  
Dewan Siswa, Bil. O5 2020

[ 8 markah ]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.*

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah anda hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air, antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, luncur angin, layang-layang, luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

Hadirin yang dihormati,

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang deras mampu mempercepatkan pengeluaran adrenalina. Jantung juga akan berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh. Proses ini menyebabkan pembakaran lemak berlaku.

[6 markah]

3. *Petikan di bawah mengandungi **11 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Jika ada peruntukkan dan lokasi yang sesuai eloklah jejantas dibina kerana anak-anak boleh melimpas jalan dengan selamat. Pihak sekolah dengan bantuan PIBG juga perlu mendapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan yang bertindak sebagai warden trafik ketika waktu puncak. Malah tawaran Kementerian Dalam Negeri untuk menggunakan khidmat Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) bagi mengawal lalu lintas di kawasan sekolah juga wajar ditimbang. Pihak polis pula diharap dapat mengatasi masalah lebih berat seperti gangsterisme, penyalahgunaan dadah dan berbagai jenayah lain membabitkan pelajar sekolah disamping kes penculikan di luar kawasan sekolah. Rondaan secara kerap oleh anggota polis untuk melakukan intipan secara berjadual wajar dilaksanakan supaya dapat mencegah kejadian penculikan dan pelbagai salah laku jenayah di kalangan pelajar sekolah daripada terus berleluasa. Kita tidak mahu selepas sesuatu kejadian itu berlaku barulah masing-masing menuding jari menyalahkan pihak lain. Dalam hal ini, baik dalam perimeter sekolah mahu pun di luar pagar sekolah, perkara pokoknya adalah tahap keselamatan anak-anak kita.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Rencana Menangani Isu Keselamatan di Sekolah  
oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
*Utusan Malaysia Online*, 12 Mac 2018

[11 markah]



4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersiap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur.

Dipetik daripada  
“Kepimpinan Melalui Teladan”  
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul  
Kementerian Pendidikan Malaysia

*[6 markah]*

5. Tulis **satu** ayat bagi setiap peribahasa yang berikut.

- bak cendawan tumbuh selepas hujan
- bersatu teguh bercerai roboh

*[4 markah]*

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

Malaysia (ketika digelar Tanah Melayu), mempunyai latar belakang zaman silam yang menarik, sekali gus merupakan laluan dagangan antarabangsa suatu ketika dahulu yang mempunyai pelbagai budaya di dalamnya. Malaysia juga memaparkan keunikan warisan budaya masyarakatnya yang mempunyai pelbagai pengaruh, maka tidak salah jika Malaysia digelar sebagai ‘kampus’ warisan budaya. Warisan budaya harus dikekalkan kerana melambangkan dan *mencerminkan identiti* sesebuah negara dan bangsa. Tamadun sesuatu bangsa biasanya dapat dilihat pada warisan seni budayanya, yang mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di Malaysia, seperti pakaian, makanan, adat resam dan seni.

Dipetik dan diubah suai

daripada

‘Warisan Budaya, Dilupa Jangan’

oleh Noor Hafedah binti Jamiyil

*Dewan Bahasa dan Pustaka*

### Bahan 2

Memang tidak dapat dinafikan bahawa warisan yang ada di negara ini dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai budaya yang diamalkan oleh rakyat yang berbilang kaum di Malaysia mampu meningkatkan semangat kekitaan dan mengelakkan semangat asabiyah yang semakin mendominasi generasi muda era ini. Dari perspektif lain, pemeliharaan warisan negara dapat mengekalkan kesinambungan tamadun yang semakin diabaikan pada hari ini. Dalam konteks ini, generasi muda mampu mengetahui asal usul keturunan sendiri dan budaya mereka serta contoh yang signifikan dalam pembangunan negara.

Pengekalan warisan negara amat penting demi mewujudkan sebuah negara yang pesat dan kaya dengan warisannya. Oleh hal yang demikian, semua pihak mestilah berganding bahu dalam memartabatkan warisan negara pada peringkat sarwajagat demi memastikan pusaka ini tidak dilupakan dalam arus yang semakin menjurus pada kemodenan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kepentingan Memelihara Warisan Negara'  
oleh Tang Jay Young  
*Dewan Siswa, Bil. 3/2022*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mencerminkan identiti*. [2 markah]
  
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan memelihara warisan negara. [3 markah]
  
- (iii) Remaja kini kurang mengetahui dan menghargai keunikan seni warisan bangsa.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memelihara seni warisan bangsa dalam kalangan remaja? [3 markah]
  
- (iv) Anda merupakan ahli jawatankuasa Persatuan Kesenian Kebudayaan di sekolah. Persatuan kamu diminta mengadakan persembahan sempena Hari Kualiti. Dalam perbincangan kumpulan, anda bersetuju untuk memilih tarian joget sebagai persembahan.  
Berikan sebab-sebab anda bersetuju memilih tarian tersebut. [4 markah]

7. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **Bahan 1**

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, saya dapat saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda pribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

Dipetik daripada cerpen ‘ Munsyi ’  
oleh Husna Nazri antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## Bahan 2

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawah gumpalan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah Pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai  
daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur

Aku membaca langit  
kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah

Dipetik daripada sajak Aku Membaca Lagi  
Oleh Razali Mohd Yusof  
Antologi Jaket Kulit dari Istanbul  
Kementerian Pelajaran Malaysia

### Bahan 3

Tenang-tenang air di laut  
Sampan kolek mudik ke tanjung;  
Hati terkenang mulut menyebut  
Budi yang baik rasa nak junjung.

Yang kurik kundi  
Yang merah saga;  
Yang baik budi  
Yang indah bahasa.

Bunga melati bunga di darat  
Bunga seroja di tepi kali;  
Hina besi kerana karat  
Hina manusia tidak berbudi.

Bunga cina di atas batu  
Jatuh daunnya ke dalam ruang;  
Adat dunia memang begitu  
Sebab emas budi terbuang.

Anak buruk di tepi pantai  
Pandai melompat pandai menari;  
Biar buruk kain dipakai  
Asal hidup pandai berbudi.

Tingkap papan kayu bersegi  
Sampan sakat di Pulau Angsa;  
Indah tampan kerana budi  
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Padang Temu Padang Baiduri  
Tempat raja membangun kota;  
Bijak bertemu dengan jauhari  
Bagai cincin dengan permata.

*Puisi Melayu Tradisional,*  
Mohd Yusof Md. Nor dan Dr. Abd. Rahman Kaeh  
(Penyelenggara) Penerbit Fajar Bakti. 1996

- (i) Berdasarkan Bahan 1, apakah yang dimaksudkan dengan frasa *adegan sumbang*?  
[2 markah ]
- (ii) Berdasarkan **semua** bahan di atas, nyatakan kesan apabila Bahasa Melayu semakin dipinggirkan?  
[4 markah ]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah semangat mencintai Bahasa Melayu semakin terhakis dalam kalangan masyarakat terutamanya anak-anak muda.  
[3 markah ]
- (iv) Anda merupakan pengawas pusat sumber di sekolah anda. Anda ingin memastikan pusat sumber sekolah anda menjadi kawasan yang mampu meningkatkan semangat cinta akan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Untuk tujuan itu, beberapa perubahan perlu dibuat.  
Cadangkan perubahan-perubahan yang akan anda lakukan.  
[4 markah ]

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

*Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bagiku, seorang penyajak itu perlulah tenang dengan mengawal pernafasannya, selain perlukan konsentrasi ketika bersajak. Itulah yang aku mahu Ai Ling lakukan. Bagiku, orang yang baru berlatih, memang perlu banyak berlatih.

“Dengan cara mengawal pernafasan, kita dapat menghilangkan perasaan gemuruh dan gementar kita. Lebih-lebih lagi kalau kita berhadapan dengan khalayak yang ramai,”

jelasku kepada Ai Ling. Aku berasa puas apabila Ai Ling dapat melakukannya dengan baik. Sehingga jam 6.30 petang itu, aku mengajar Ai Ling cara mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul. Aku juga mengingatkan Ai Ling agar jangan menyampaikan sajak dengan suara yang mendatar. Penyampaian sebegitu akan membuatkan audiens tidak tertarik. Tiada kesan.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,  
karya Nizar Parman  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Nyatakan cara-cara mendeklamasikan sajak.

[4 markah]

(i) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

(a) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin

(b) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan kegigihan yang terdapat dalam **sebuah** novel yang telah anda pelajari.

[6 markah]



## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[ 30 markah ]

9. *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

### **Bahan 1 – Petikan**

Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman melaporkan 10,382 kes kemalangan jalan raya berlaku di seluruh negara dalam tempoh 32 hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun ini. Walaupun dikatakan malang tidak berbau, kita masih boleh mengambil beberapa langkah yang proaktif dalam memastikan angka kemalangan maut tidak terus meningkat kesan daripada sikap pengguna jalan raya yang mementingkan diri sendiri. Pihak berkuasa perlu mendidik para pemandu khususnya pemandu pengangkutan awam supaya lebih berdisiplin ketika memandu bagi mengelakkan kemalangan. Oleh itu, kesedaran tentang kepentingan mengikut peraturan jalan raya perlu ada dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Kemalangan jalan raya juga dapat diatasi melalui pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah. Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada murid sekolah tentang kepentingan menjaga keselamatan diri ketika berada di jalan raya. Selain itu, pihak berwajib juga perlu memperbaiki keadaan jalan raya di negara kita. Jalan raya yang tidak diselenggara dengan baik sudah pasti mendatangkan bahaya kepada para pemandu dan juga penunggang motosikal. Pihak berkuasa juga perlu mengadakan sekatan jalan raya untuk mendisiplinkan pemandu ketika berada di jalan raya. Sekatan jalan raya yang dilakukan ini dapat mengubah sikap pemandu yang sengaja memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan akhirnya mengundang berlakunya kemalangan. Sekatan jalan raya boleh mendidik pengguna jalan raya agar mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Di samping itu, penganjuran kempen-kempen kesedaran dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya dapat mengatasi masalah ini dengan mengubah sikap pengguna yang cuai semasa memandu di jalan raya. Pihak swasta dalam hal ini boleh menjalankan tanggungjawab sosial mereka dalam menyampaikan kempen-kempen tersebut

melalui media massa seperti televisyen, radio, akhbar mahupun Internet. Sebagai penutup bicara, banyak langkah yang boleh diambil oleh individu, masyarakat mahupun negara dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Semua pihak perlulah berganding bahu bagai aur dengan tebing supaya setiap langkah yang diambil mendatangkan kesan yang positif.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cegah Sebelum Parah'  
*Berita Harian*, Jun 2021

## **Bahan 2: Sajak**

### **Jalan-Jalan Raya Kotaku**

Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kota  
lewat senja begini  
tika gerimis menabur benih  
menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.  
Ketidaksabaran membengkak  
kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan menggigit pangkal rasa.  
Demikian etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
tidak lagi berlaku  
yang hadir adalah keserakahan.

Memacu menghimpun pangkal kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia  
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
kemanusiaan semakin mandul;  
pada penghujung musim

**ZAM ISMAIL**

Antologi Anak Laut

Dewan Bahasa dan Pustaka

Set 2

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**NO. KAD PENGENALAN :**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**ANGKA GILIRAN :**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**1103/1**

**Kertas 1**

2 jam

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

5. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
6. Jawab soalan **Bahagian A** dan **pilih satu** soalan sahaja daripada **Bahagian B**.
7. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
8. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas kjang.

## BAHAGIAN A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

*Maklumat di bawah berkaitan dengan semangat patriotisme. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan langkah-langkah menanamkan semangat patriotisme.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Jalur Gemilang adalah lambang negara yang mampu membangkitkan semangat patriotisme dalam hati setiap rakyat Malaysia yang mencetuskan solidariti dalam mendepani apa-apa jua cabaran yang mendatang.

Sumber: Kibarkan Jalur Gemilang. Berita Harian 7 Ogos 2021



## BAHAGIAN B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Tonggak 12 diilhamkan oleh Yang Berbahagia, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara yang disampaikan lewat ucapan perasmianya bersempena dengan Seminar Nilai dan Etika pada 2 Mac 1992. Sejak itu, Tonggak 12 telah menjadi dasar dan pegangan penjawat awam. Antaranya ialah menghargai masa, ketekunan membawa kejayaan, ketinggian peribadi, dan keseronokan bekerja.

Dipetik dan diubah suai daripada “Keperibadian Penjawat Awam”,  
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, halaman 216

Petikan di atas menjelaskan pengenalan Tonggak 12 yang menjadi prinsip asas kerja penjawat awam. Huraikan prinsip asas kerja penjawat awam berdasarkan petikan dan prinsip kerja lain menjadi keutamaan majikan.

2

Kesedaran terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) secara berhemah perlu diberikan perhatian dalam dunia siber tanpa sempadan. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr. Mohd Iqbal Saripan, berpendapat pengguna Internet perlu ada etika supaya tindakan mereka tidak mengundang kesan negatif kepada masyarakat. Katanya, kesedaran terhadap kepentingan penggunaan ICT perlu disertakan dengan etika penggunaan yang baik.

Keratan akhbar BH, 28 Oktober 2018

Respons tersebut menyarankan agar penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi memerlukan etika yang baik dalam kalangan pengguna bagi mengelakkan sebarang isu yang mampu menimbulkan keresahan masyarakat.

Bincangkan sejauh mana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memberikan implikasi kepada golongan remaja

3

Kerajaan telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal atau *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran. Kerajaan berhasrat untuk menerapkan pendidikan kemahiran secara holistik kepada pelajar untuk lepasan sekolah menengah ke pasaran pekerjaan.

Dipetik daripada “Pendidikan Asas Kemajuan”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Sebagai respons terhadap pernyataan yang diberi, penekanan dalam menerapkan pendidikan kemahiran sedang giat ditekankan oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha perlu dilakukan dalam memastikan pendidikan kemahiran tersebut dapat diterapkan secara menyeluruh kepada murid.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

4

Secara umumnya, seseorang pekerja “kolar baharu” ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah. Golongan ini bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran. Mereka mendapat pendidikan dan latihan melalui kolej vokasional, kolej komuniti, kursus jangka pendek, program sijil, pendidikan teknologi sekolah tinggi, latihan industri dan perantisan semasa kerja.

Sumber: Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, KPM

Petikan memaparkan sebahagian kemahiran asas yang telah dimiliki oleh pekerja kolar baharu di samping memerlukan kemahiran tambahan bagi meningkatkan kualiti diri dan kebolehpasaran dalam sektor guna tenaga.

Bincangkan pernyataan tersebut.

Set 2

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**NO. KAD PENGENALAN :**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**ANGKA GILIRAN :**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**1103/2**

**Kertas 2**

2 jam 30 minit

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

5. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian. **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
6. Jawab **semua** soalan.
7. Jawaban bagi **Soalan 6 dan 7** berdasarkan petikan bahan prosa dan bukan prosa.
8. Baca arahan soalan dengan teliti dan jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas kjang.
9. Jawaban boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata penguat dan dua kata bantu**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kebersihan diri pramusaji amat penting terutamanya pada bahagian tangan. Kebanyakan kuman dan bakteria disebarkan melalui pencemaran bersilang pada makanan melalui kutleri yang tercemar. Pramusaji harus sentiasa bersih, kemas, segar, dan bergaya. Hal ini merupakan bahasa badan yang baik sekali untuk menarik pelanggan datang ke restoran. Selain itu, pramusaji juga perlu mengenal pasti punca kemarahan pelanggan.

( 8 markah)

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat majmuk** yang bergaris kepada **ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Cabaran sebagai remaja memang kritikal . Kesilapan menguruskannya akan menjadikan remaja hilang arah dan tertawas. Hal ini akan membantutkan usaha pembangunan negara yang bercita-cita menjadi negara maju pada masa akan datang. Remaja pada hari ini harus memahami mereka akan mentadbir negara ini pada masa hadapan. Kesan kegagalan remaja menangani perkara ini dengan baik amat besar kepada bangsa dan negara.

[ 6 markah]



3. Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

### **Petikan 1**

Penyakit tibi atau Tuberkulosis mampu dijangkiti seseorang tanpa mengira bangsa dan kedudukan geografinya. Oleh hal yang demikian, keturunan bukanlah faktor pemangkin seseorang itu dijangkiti tibi walaupun terdapat anggota-anggota keluarga yang pernah dijangkiti tibi sebelum ini. Tibi juga tidak boleh berjangkit melalui makanan dan minuman. Anggota keluarga lain turut tidak akan dijangkiti tibi jika pesakit tibi telah menerima jagaan lebih dari dua minggu di hospital.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Ancaman Penyakit Tibi’ oleh Zulafiqar MohdYusof,

*Dewan Siswa*, bil.12/2018

[5 markah]

### **Petikan 2**

Sabariah: Selamat pagi, Doktor Siti. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian doktor untuk di wawancara pada pagi ini.

Doktor Siti: Selamat pagi.

Sabariah: Saya Sabariah daripada Sekolah Menengah St Anne, ingin mewawancara doktor berkaitan dengan pandemik COVID-19. Doktor, apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan virus ini?

Doktor Siti : Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan COVID-19 tidak terus merebak, di antaranya mengenakan sekatan kemunculan pelancong dari luar negara. Selain itu, bagi rakyat Malaysia yang pulang ke Malaysia, mereka perlu dikuarantin selama 14 hari. Masyarakat juga diwajibkan memakai penutup muka apabila berada di tempat yang sesak.

Sabariah: Terima kasih doktor atas kesudian doktor untuk menerangkan langkah yang telah diambil untuk mencegah virus COVID-19 daripada terus merebak

Doktor Siti: Sama-sama. [6 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada  
dalam Antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[6 markah]

5. Berikan **satu** peribahasa yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa di bawah.

- (i) Bagai ikan pulang ke lubuk
- (ii) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

(4 markah)

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **Bahan 1**

TUARAN: Rekaan pereka fesyen diinspirasikan pakaian tradisi etnik Rungus dari Sabah, dinobatkan di tempat ketiga sempena pertandingan International Borneo Fest 2019 yang berlangsung di St. John Church, Hyde Park, London, baru-baru ini.

Difahamkan, seramai 15 peserta berentap dengan masing-masing dua model peragaan sebelum disenarai pendek kepada Sembilan peserta yang layak ke peringkat akhir bagi Kategori Borneo Designer Award dianjurkan Borneo Street Kuala Lumpur.

Peserta, Ahmad Fikri Gompul, 31, berasal dari Kampung Pangadawan Kiulu, Tuaran di sini, berkata rekaan itu dihasilkan daripada kain tenun pakaian tradisi etnik Rungus yang digabungkan bahan Corduroy (Denim) dan Chiffon untuk membolehkan kelahiran baju berkonsep 'sedia untuk dipakai'.

"Konsep pertandingan ini bertujuan menghasilkan pakaian moden yang menggunakan corak serta warna daripada pakaian tradisional etnik di Sabah dan Sarawak."

"Saya harap usaha ini menjadi contoh kepada pereka fesyen tempatan yang boleh menarik generasi baharu mengekalkan pemakaian tradisi kekal relevan walaupun mengalami perubahan yang pesat,"katanya.

(Sumber: [www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2020/01/643648/](http://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2020/01/643648/))

### **Bahan 2**

#### **Pakaian Tradisional Melayu**

##### **BAJU KURUNG**

Setelah kedatangan Islam, wanita Melayu mula memakai baju kurung yang sopan. Baju kurung lazimnya diketahui sebagai baju longgar yang labuh, kadang kala hingga ke

lutut dan dipadankan kain labuh yang berlipat tepi. Baju tersebut meliputi seluruh tubuh, memperlihatkan wajah dan tangan sahaja, dilihatkan sebagai mematuhi peraturan pakaian Islam. Baju kurung boleh dipadankan dengan kain tradisional seperti songket atau batik. Digandingkan dengan kain selendang atau tudung kepala. Baju kurung sesuai dipakai dalam majlis -majlis formal atau urusan seharian.

### **BAJU MELAYU**

Pakaian tradisional bagi kamu lelaki Melayu ialah baju Melayu. Baju Melayu seakan kemeja longgar yang dipakai dengan seluar panjang. Pakaian ini selalunya dipadankan dengan kain samping yang diikat di bahagian pinggang dan bersongkok. Baju Melayu bagi rakyat Malaysia terbahagi kepada dua iaitu, baju Melayu potongan Teluk Belanga dan baju Melayu potongan cekak musang. Cara memakai baju Melayu Teluk Belanga biasanya samping dipakai di sebelah dalam baju. Cara memakai baju Melayu Cekak Musang ialah samping di sebelah luar baju.

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *kekalkan relevan*. [2 markah]
  
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan pakaian moden berunsurkan tradisional dan pakaian tradisional Melayu. [3 markah]
  
- iii. Banyak usaha yang boleh diambil untuk mempopularkan pakaian tradisional negara di peringkat global. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha tersebut [3 markah]
  
- iii. Anda menyertai kumpulan pereka sekolah anda untuk menyertai Pertandingan Mereka Busana Tradisional Abad ke-21 peringkat antarabangsa di luar negara. Apakah unsur-unsur yang anda akan tekankan dalam usaha mereka busana tradisional yang memenuhi cita rasa pengguna abad ke-21 ini? [4 markah]

7. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Bahan 1**

**AKU MEMBACA LAGI**

Aku mendongak langit  
Membaca garis dan titik  
Menaakuli kebesaran-Mu  
Di bawahnya gumpalan mega  
Hembusan bayu dan banjaran gunung

*Kuselusuri alam*

Kicauan burung  
Desiran ombak dan wajah pelangi  
Mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi  
Membaca langit  
Di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
Dahan dan ranting terkulai  
Daun-daun berguguran  
Helai demi helai  
Di lantai tanah airku yang Makmur

*Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*

## Bahan 2

Sungai Ceper semakin hari semakin tohor sehingga air sampai paras buku lali. Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi begitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padi pun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tunduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu saja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh menolong langsung.

Dalam hati ibu memang Ceper itu bedebahlah. Ibu tidak turun ke Ceper lagi kerana airnya sedikit. Ibu berbaik dengan telaga. Meskipun telaga di penjuru tanah kami itu amat dalam, ibu tarik juga tali timba membawa naik air ke atas.

*Dipetik daripada cerpen Ibu dan Ceper  
oleh Shahnnon Ahmad, antologi Harga Remaja,*

(i) Berdasarkan Bahan 1, apakah maksud *Kuselusuri alam*.

[2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan bukti-bukti kemusnahan alam sekitar.

[4 markah]

(iii) Negara kita Malaysia semakin maju, tetapi masalah alam sekitar semakin berleluasa.

Pada pendapat anda, apakah faktor masalah pencemaran semakin menjadi-jadi?

[3 markah]

(iv) Anda dan rakan anda sedang memancing ikan di sebatang sungai lalu anda

ternampak banyak sampah di persekitaran sungai tersebut. Keadaan ini memberi pandangan yang kurang baik kepada pengunjung atau pelancong.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda mengatasi masalah ini?

[4 markah]

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

*(ii) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Suasana pada malam itu tenang sekali. Sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima duduk di kerusi di atas platform melengkung dan mengelilingi kubah balai cerap yang tersergam di lereng konkrit Bukit Melawati, Kuala Selangor. Balai Cerap Sultan Salahuddin dicirikan dengan reka bentuk yang diinspirasi oleh rumah api Alamnara, Somalia. Di samping menonjolkan reka bentuk kubah yang lazim digunakan oleh banyak bangunan balai cerap lain, bangunan ini juga menambah sebuah platform yang mengelilingi kubah tersebut. Platform itu mempunyai ketinggian 50 meter dari tapak balai cerap tersebut.

Selain daripada menyediakan kemudahan untuk pencerapan bintang dengan menggunakan teleskop berkuasa tinggi, Balai Cerap Sultan Salahuddin juga menyediakan ruang untuk pencerapan mata kasar dengan membenarkan para pelawat menyaksikan jujuk-jujuk kosmos dari platform tersebut.

*Dipetik daripada novel Bima Sakti Menari,  
karya Sri Rahayu Mohd Yusop,  
Kementerian Pendidikan Malaysia*

(i) Nyatakan ciri-ciri reka bentuk Balai Cerap Sultan Salahuddin.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

(c) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin

(d) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Elemen tanggungjawab sering kali menjadi elemen yang menonjol dalam sesebuah novel. Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, kemukakan **satu peristiwa** yang memperlihatkan elemen bertanggungjawab.

[6 markah]

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[ 30 markah ]

9. *Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

### ***Bahan 1 : Petikan***

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang dan kriteria sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah. Antara masalah yang dialami oleh murid ialah tekanan emosi. Dalam hal ini, fungsi kaunselor adalah untuk menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi tersebut, di samping memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Perkara ini perlu difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Kaunselor sebenarnya berperanan untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan yang sebaliknya. Sehubungan dengan itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Hakikatnya, apabila bertemu dengan kaunselor, murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya seperti panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai dan bukan memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Hal ini penting supaya segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid selaras dengan apa-apa yang diingini agar mereka berpeluang membuat perancangan masa depan




untuk mencapai matlamat hidup. Dalam masa yang sama, kaunselor bertanggungjawab untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan sendiri. Pelaksanaan pelbagai program bimbingan dan kaunseling seperti ceramah, kursus dan kem motivasi akan membolehkan kaunselor memahami murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar. Dalam hal ini, mereka akan dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu, kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai murni ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah. Sesungguhnya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunseling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan oleh kaunselor mendapat kepercayaan murid. Sikap profesional kaunselor dalam melaksanakan tugas hendaklah menjadi keutamaan demi menaikkan imej perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada '*Memfaatkan Khidmat Kaunselor*',

oleh Nadiah Naufal,

Dewan Siswa, April 2012

## ***Bahan 2 : Grafik***



## **PANDUAN CONTOH JAWAPAN KARANGAN KERTAS 1 SET 1**

### **BAHAGIAN A**

#### **SOALAN : E-MEL 1**

#### **PENDAHULUAN**

- Pandemik COVID-19 telah mengubah norma masyarakat bukan sahaja di Malaysia tetapi seluruh dunia.
- Kebanyakan sektor yang terjejas telah mengalami perubahan termasuklah sektor pendidikan. Pendidikan bersemuka telah diganti dengan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR)
- Apakah kebaikan pelaksanaan PdPR?
- Marilah kita meneruskan diskusi ilmiah ini bagi mengupas dengan lebih lanjut mengenai kebaikan pelaksanaan PdPR.

#### **ISI PERTAMA**

- Murid mempunyai masa yang lebih panjang untuk belajar
- Murid tidak perlu mengambil masa untuk bersiap dan ke sekolah. Selain daripada itu, keselamatan murid pun lebih terjamin.
- Murid perlu bangun awal untuk bersiap dan terpaksa berdepan dengan kesesakan lalu lintas dan bahaya.
- Justeru itu, PdPR dapat mengurangkan risiko kepada murid dan mempunyai lebih masa untuk mengulang kaji pelajaran.

#### **ISI KEDUA**

- Murid menguasai literasi teknologi
- Murid dapat belajar menerusi pelbagai aplikasi yang akan menarik minat dan memudahkan untuk menguasai topik yang diajar
- Sebagai contoh, guru menggunakan aplikasi Google Meet, Zoom dan sembang video menerusi Telegram untuk menjalankan sesi PdPR. Selain itu, murid juga belajar cara untuk menghasilkan video yang menarik
- Oleh itu, PdPR mampu menjadikan murid lebih menguasai teknologi dalam kehidupan harian.

## **ISI KETIGA**

- Memudahkan murid mencari bahan dan maklumat tambahan
- Murid boleh mencari maklumat tambahan berkaitan dengan topik yang sedang diajar oleh guru dalam kelas
- Sebagai contoh, bagi mata pelajaran Sejarah murid boleh menggunakan enjin carian seperti Google Search untuk melihat gambaran atau video dengan lebih jelas
- Justeru itu, PdPR dapat meningkatkan penguasaan murid dalam sesuatu bidang pembelajaran.

## **KESIMPULAN**

- Kesimpulannya, PdPR amat relevan pada masa kini bagi menggantikan pembelajaran bersemuka di sekolah
- Oleh itu, pendidik perlu memantapkan diri dengan ilmu berkaitan teknologi.
- Saya berharap agar masyarakat dan ibu bapa perlu menyokong anak-anak yang belajar secara PdPR

## **SOALAN : E-MEL 2**

### **PENDAHULUAN**

- Media massa boleh didefinisikan sebagai pelbagai jenis alat komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat.
- Jenis-jenis media massa ialah media cetak, media elektronik dan media sosial.
- Apakah peranan media massa?
- Marilah kita meneruskan diskusi ilmiah ini bagi mengupas dengan lebih lanjut mengenai peranan media massa dalam pembangunan.

### **ISI PERTAMA**

- Perniagaan sesebuah syarikat dapat dikembangkan
- Para usahawan dapat mempromosikan hasil jualan mereka dalam media massa
- Sebagai contoh, para usahawan boleh menggunakan pengaruh (*influencer*) untuk membuat ulasan mengenai produk yang dijual dalam media sosial.
- Justeru itu, media massa amat dapat membantu untuk memajukan sesuatu perniagaan.

## **ISI KEDUA**

- Menjadi agen perpaduan bagi masyarakat
- Masyarakat boleh mengetahui budaya dan adat resam setiap kaum melalui media massa.
- Sebagai contoh, murid membaca majalah atau artikel keluaran Jabatan Penerangan Negara untuk melihat dan mendalami budaya dan adat resam kaum serta etnik yang terdapat di Malaysia.
- Oleh itu, media massa dapat membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

## **ISI KETIGA**

- Memudahkan penyampaian maklumat antara kerajaan dan masyarakat
- Pihak kerajaan dapat menggunakan media massa untuk menyebarkan aspirasi kerajaan bagi memajukan negara.
- Misalnya, semasa Pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sidang media melalui media elektronik iaitu stesen televisyen tempatan.
- Justeru itu, media massa seperti media elektronik boleh merapatkan jurang antara kerajaan dan rakyat.

## **KESIMPULAN**

- Kesimpulannya, media massa mampu mendatangkan impak yang positif kepada masyarakat dan negara.
- Setiap individu perlu memaksimumkan peranan media massa bagi meningkatkan perpaduan dan memajukan ekonomi negara.
- Saya berharap setiap rakyat dapat menyumbangkan jasa dengan memanfaatkan media massa.

## **BAHAGIAN B**

### **SOALAN 1**

#### **PENDAHULUAN**

- rakyat Malaysia berhemah tinggi dan mempunyai budi pekerti
- rakyat Malaysia mengamalkan budaya ramah dan mesra
- ikatan rakyat Malaysia seperti aur dengan tebing – yang tiada dibantu, yang lemah dilindungi
- rakyat Malaysia yang pelbagai kaum – bertimbang rasa dan hormat menghormati
- persoalan – apakah kepentingan budi bahasa dalam kalangan rakyat?

#### **ISI PERTAMA**

- kepentingan pertama – seseorang itu akan dihormati
- mudah memperoleh pertolongan apabila ditimpa kesusahan – masyarakat tidak berkira untuk membantu
- bersopan santun ketika berkomunikasi - tidak meninggi suara – menyentuh sensitiviti kaum lain
- orang sekeliling akan menghormati – pepatah : budi bahasa cerminan peribadi
- tegasnya – dipandang tinggi oleh masyarakat

#### **ISI KEDUA**

- kepentingan kedua – perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dikukuhkan
- perpaduan penting bagi menjaga hubungan antara kaum – Melayu/ Cina/ India/ Bumiputera Sarawak dan Sabah
- tidak akan menyebarkan berita yang tidak benar/ tidak sah
- masyarakat yang berbudi bahasa akan mengelakkan perbuatan fitnah/adu domba – sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
- tegasnya – setiap masyarakat mesti menjaga hubungan dengan menghormati kepelbagaian budaya antara kaum

#### **ISI KETIGA**

- kepentingan ketiga – pelancong seronok datang ke Malaysia

- sektor pelancongan mampu menjana pendapatan masyarakat/ ekonomi negara – rakyat berbudi bahasa
- masyarakat pelbagai kaum memberi layanan yang terpuji kepada pelancong tempatan dan asing – kehadiran mereka dialu-alukan – disambut dengan meriah
- masyarakat sekeliling sedia membantu pelancong tempatan dan asing – pelancong akan menceritakan kebaikan budaya rakyat Malaysia – tak kenal maka tak cinta
- tegasnya – rakyat Malaysia dipandang tinggi kerana ketinggian amalan berbudi Bahasa

## **KESIMPULAN**

- Budi Bahasa Budaya Kita – slogan kebanggaan rakyat Malaysia
- amalan berbudi bahasa – norma kehidupan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia
- rakyat Malaysia terkenal dengan santun perkataan dan indah tutur kata
- peranan pelbagai pihak sangat penting bagi mengekalkan amalan ini – tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

## **SOALAN 2**

### **PENDAHULUAN**

- Kehidupan remaja biasanya dipenuhi dengan pelbagai kegiatan luar termasuklah kegiatan di tempat terbuka.
- Hal ini menyebabkan remaja yang terdedah kepada cahaya matahari dan debu yang boleh merosakkan kulit.
- Persoalannya, apakah implikasi sekiranya remaja tidak menjaga kebersihan kulit?
- Oleh itu, marilah kita membincangkan implikasi tersebut.

### **ISI PERTAMA**

- Remaja akan mendapat alergi dan alahan kulit akibat tidak mengamalkan penjagaan kulit dengan rapi.
- Kulit remaja akan menjadi sensitif akibat tidak melakukan penjagaan yang baik
- Akibatnya, kulit boleh menjadi gatal-gatal dan berkuldis.
- Hal ini akan memudaratkan fizikal dan mental remaja kerana stres dan terganggu dengan masalah kulit.

## **ISI KEDUA**

- Remaja akan mudah mendapat penyakit kulit apabila tidak menjaga kulit dengan baik.
- Remaja yang tidak menjaga kebersihan kulit seperti tidak mandi sekurang-kurangnya 2 kali sehari akan mudah mendapat penyakit yang berkaitan dengan kulit
- Sebagai contoh, keradangan kulit yang akan menyebabkan kulit menjadi gatal-gatal dan sentiasa ditumbuhi ruam pada badan.

## **ISI KETIGA**

- Selain itu, risiko untuk mendapat bau badan yang tidak menyenangkan.
- Remaja yang kurang menitikberatkan penjagaan kulit seperti jarang memakai pakaian yang bersih boleh menyebabkan kulit berbau akibat air peluh.
- Hal ini akan menyebabkan orang sekeliling berasa tidak selesa dengan bau badan tersebut.

## **ISI KEEMPAT**

- Akhir sekali, remaja boleh mendapat risiko kanser kulit
- Remaja yang menghidapi kanser kulit tidak boleh berpanas dan perlu sentiasa di kawasan yang sejuk sahaja kerana jika sentiasa berpeluh akan menyebabkan kulit gatal.
- Kesannya, kulit remaja akan mengeluarkan bau yang sangat busuk kerana berair.

## **KESIMPULAN**

- Sebagai kesimpulannya, terdapat banyak implikasi yang diperoleh akibat tidak menjaga kebersihan kulit.
- Remaja perlulah menitikberatkan penjagaan kulit agar diri dapat terhindar daripada mengalami pelbagai kesan yang buruk.
- Hal ini supaya kulit remaja berada dalam keadaan bersih dan sihat.

## **SOALAN 3**

### **PENDAHULUAN**

- “Membaca Jambatan Ilmu”, merupakan slogan yang tidak asing dalam kalangan rakyat Malaysia.

- Kemajuan teknologi dan perkembangan dunia yang pesat dewasa ini membolehkan kita membaca buku dalam bentuk digital
- Hanya dengan telefon pintar dan capaian jalur lebar yang baik, kita boleh membaca di mana-mana saja dan pada bila-bila masa yang kita inginkan
- Namun begitu, akhir-akhir ini kita dapati budaya membaca dalam kalangan remaja amat mendudukkan lantaran kelalaian menghabiskan masa bermain permainan komputer dan melayari laman sosial yang dikatakan lebih menyeronokkan
- Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk memastikan amalan membaca kekal subur dalam kalangan remaja

### **ISI PERTAMA**

- **Peranan ibu bapa** sebagai suri teladan kepada anak dapat memupuk minat suka membaca
- Ibu bapa boleh bersama-sama dengan anak-anak membaca pada hujung minggu, hari cuti umum, atau cuti persekolahan untuk memanfaatkan masa emas mereka bersama-sama
- Tambahan pula, ibu bapa yang berkemampuan boleh menyediakan perpustakaan mini di rumah yang dilengkapi dengan pelbagai genre buku dan sesuai dengan minat serta peringkat umur anak-anak
- Ibu bapa boleh memperuntukkan sejumlah pendapatan untuk membeli bahan bacaan dan membawa anak ke pameran buku supaya mereka diberikan peluang untuk memilih buku yang diingini
- Amalan melentur buluh biarlah dari rebunginya ini amat sesuai untuk memastikan anak-anak konsisten mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian walaupun banyak kekangan yang perlu ditempuh

### **ISI KEDUA**

- **Peranan pihak sekolah** dalam memupuk amalan membaca juga tidak dapat kita nafikan
- Di dalam kelas, guru boleh memanfaatkannya dengan menyediakan sudut bacaan di bahagian belakang kelas dan memperuntukkan beberapa minit sebelum memulakan sesuatu sesi pembelajaran untuk murid-murid mengasah bakat masing-masing berdasarkan pembacaan bahan yang diminati



- Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) juga antara langkah menyemarakkan amalan membaca dengan memanfaatkan pusat sumber sekolah selain remaja membaca bahan ilmiah dan fiksi di rumah
- Peribahasa sambil menyelam minum air dapat menggalakkan amalan membaca selain mencari tokoh NILAM untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi

### **ISI KETIGA**

- **Syarikat penerbitan** tidak ketinggalan dalam menggalakkan amalan membaca dalam kalangan remaja
- Syarikat penerbitan boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengadakan pameran buku secara besar-besaran seperti Pesta Buku Antarabangsa yang biasa diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra
- Golongan remaja dipupuk untuk membaca dan mencintai ilmu dalam kehidupan supaya mereka sedar ilmu yang akan meletakkan kedudukan mereka apabila dewasa kelak
- Buku-buku yang berkaitan dengan sejarah, ilmiah dan perkembangan semasa dapat melahirkan remaja yang berilmu pengetahuan, berpandangan jauh dan bijak merebut peluang yang tersedia
- Remaja yang berilmu tidak akan mudah diperkotak-katikan dan dijajah minda mereka oleh individu yang berkepentingan peribadi dan cuba menangguk di air yang keruh

### **ISI KEEMPAT**

- Pemupukan amalan membaca juga merupakan tanggungjawab pihak media massa
- Media cetak dan media elektronik seperti televisyen, radio, dan Internet boleh menggunakan pelbagai saluran untuk menyampaikan mesej menggalakkan amalan membaca
- Murid-murid yang sedang meningkat remaja sememangnya gemar membaca cerita sensasi melalui telefon pintar
- Remaja boleh membaca untuk mengetahui semua perkara yang berlaku di seluruh dunia hanya di hujung jari
- Pelbagai pertandingan yang menarik juga boleh dijalankan untuk menggalakkan lagi amalan membaca seperti pertandingan secara maya melalui rakaman video kerana lebih mudah dan menjimatkan masa

## **KESIMPULAN**

- Kesimpulannya, amalan membaca mampu memberikan banyak faedah kepada kita semua.
- Slogan, “Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya” menjelaskan kepada kita betapa penting untuk membaca
- Peribahasa, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi akan mampu kita capai dengan menguasai pelbagai bidang ilmu.
- Agama Islam telah menyeru kita untuk membaca melalui wahyu Allah yang pertama kepada Nabi Muhammad (S.A.W) iaitu “ bacalah”
- Penglibatan dan kerjasama semua pihak dalam menggalakkan remaja membaca akan menjadikan rakyat Malaysia berilmu pengetahuan dan bersedia untuk melangkah sederap demi mencipta kegemilangan pada masa depan

## **SOALAN 4**

### **PENDAHULUAN**

- Generasi muda yang telah berjaya menjadi ikon.
- Golongan muda yang berjaya ini paling mudah mempengaruhi remaja sebaya dengan mereka untuk menceburi bidang pertanian.
- Seorang petani berjaya kerana usaha tangga kejayaan.
- Menggalakkan generasi muda untuk menerokai bidang pertanian kerana pertanian adalah perniagaan
- Bak kata peribahasa Melayu jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

### **ISI PERTAMA**

- Program motivasi dan kursus pertanian untuk generasi muda hendaklah digemblengkan
- Minda mereka terbuka berkaitan ilmu pertanian.
- Generasi muda dimotivasikan bahawa rakan-rakan mereka seperti di Thailand dan di negara-negara maju telah lama menjadi kaya-raya hasil pendapatan daripada bidang pertanian.
- Kursus-kursus yang berasaskan motivasi dan teknik memodenkan pertanian dan pengurusan ladang hendaklah dijalankan.

- Generasi muda memerlukan suntikan yang boleh mengubah minda mereka untuk menyertai sektor pertanian.

### **ISI KEDUA**

- Kerajaan hendaklah mempunyai polisi yang jelas dengan menggubal dasar pertanian negara.
- Membangunkan potensi pertanian hendaklah mendapat suntikan daripada dasar Tanah Negara yang lebih kondusif.
- Tanah-tanah milik kerajaan negeri dan swasta dapat dibangunkan untuk projek-projek pertanian berskala besar daripada dibiarkan dipenuhi hutan merimbun tanpa diusahakan.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited untuk memajukan sektor pertanian kerana lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang.
- Peranan terpenting dalam mengubah dasar pertanian negara ialah peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan sendiri sebagai pemerintah negara.

### **ISI KETIGA**

- Meningkatkan pendapatan para petani supaya lebih ramai generasi muda menceburi diri dalam bidang pertanian.
- Punca utama ramai generasi muda pada era moden ini tidak berminat menceburi industri ini adalah kerana mereka beranggapan bahawa sektor pertanian tidak menyajikan pulangan pendapatan yang lumayan.
- Para petani harus diberikan bantuan subsidi dan pelbagai insentif.
- Bank Pertanian/Agro Bank pula menawarkan pinjaman kewangan kepada golongan petani untuk mendapatkan modal asas.
- Peningkatan pendapatan golongan petani untuk mengelakkan mereka daripada hidup bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang adalah perlu untuk mengembangkan sektor pertanian.

### **KESIMPULAN**

- Sesungguhnya, sektor pertanian menjanjikan harapan yang cerah untuk menjanakan semula ekonomi negara yang selama ini terlalu bergantung pada industri pembuatan dan petroleum.

- Sektor pertanian memberikan sumber makanan, sayuran, dan buah-buahan yang menjadi makanan utama kepada masyarakat Malaysia.
- Sebagai penduduk Malaysia, kita perlu bersatu dan bekerjasama menghasilkan produktiviti pertanian untuk negara kerana hidup sandar menyandar , bagai aur dengan tebing.
- Pertanian merupakan perniagaan dan sebagai sebuah negara pertanian negara kita perlu menghasilkan produktiviti pertanian untuk penduduk negara sendiri tanpa perlu mengimport hasil pertanian daripada negara l

### PANDUAN JAWABAN KERTAS 2 (SET 1)

Soalan 1 : Morfologi ( 8 markah )

**Strategi menjawab :**

1. Calon dikehendaki menyenaraikan **empat kata sendi nama** terlebih dahulu.
2. Kemudian calon perlu membina ayat berdasarkan empat kata sendi nama yang telah disenaraikan mengikut urutan yang betul.

KATA SENDI NAMA	CONTOH BINA AYAT
ke	Aminah pergi <b>ke</b> sekolah dengan menunggang sebuah basikal.
di	Rumah nenek saya <b>di</b> Johor telah terbakar malam tadi.
daripada	Perpustakaan ini dikatakan mempunyai lebih <b>daripada</b> 600 000 buah buku.
dalam	Kita harus fasih bertutur <b>dalam</b> bahasa kebangsaan kita.

- Beri 1 markah untuk setiap kata sendi nama yang betul .
- Beri 1 markah untuk setiap ayat yang betul .

Soalan 2 – Sintaksis ( 6 markah )

- i. Merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan aktiviti sukan, khususnya sukan air.

- ii. Selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental.
- iii. Bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh jantung juga akan berdegup kencang.

Soalan 3 : Penyuntingan ( 11 markah )

**Strategi menjawab :**

1. Calon dikehendaki menyenaraikan **11 kesalahan bahasa** terlebih dahulu.
2. Kemudian calon perlu membetulkan kesalahan bahasa tersebut mengikut susunan yang telah disenaraikan.
3. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan bahasa, tandakan setakat 11 sahaja.

<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
1. Peruntukkan	1. Peruntukan
2. kerana	2. Supaya
3. melimpas	3. melintas
4. ditimbangkan	4. dipertimbangkan
5. gangsterisme	5. gengsterisme
6. penyalah gunaan	6. penyalahgunaan
7. berbagai	7. pelbagai
8. disamping	8. di samping
9. di kalangan	9. dalam kalangan
10. mahu pun	10. mahupun
11. adalah	11. ialah

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard ( 6 markah )

<b>Bahasa klasik</b>	<b>Bahasa Melayu standard.</b>
Berapa lamanya hatta hari pun malamlah.	Tidak lama selepas itu, waktu malam pun tiba.
Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu	Kertala Sari menyiapkan dirinya kemudian dia
berjalan masuk ke dalam kota.	berjalan masuk ke dalam kota.
Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya.	Dia masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya.

Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri.	Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan bersama-sama dengan isterinya.
Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu.	Kertala sari pun masuk ke dalam rumah dan makan bersama-sama saudagar itu.
Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur.	Apabila sudah larut malam, saudagar itu pun masuk tidur.

Soalan 5 – Peribahasa ( 4 markah )

PERIBAHASA	MAKSUD
i. bak cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa
ii. bersatu teguh bercerai roboh	Persefahaman dalam sesebuah masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan akan menyebabkan perpecahan

- Calon perlu membina ayat mengikut susunan peribahasa yang telah disediakan.

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum ( 12 markah )

- i.
- ii. Maksud rangkai kata mencerminkan identiti
  - menggambarkan keperibadian/keunikan/jati diri 2
  - menggambarkan *identiti* 1
  - *mencerminkan* keperibadian/keunikan/jati diri 1
- iii. Kepentingan memelihara warisan negara
  - Bahan 1**
    - mampu melambangkan dan mencerminkan identiti sesebuah negara dan bangsa 1
  - Bahan 2**
    - memupuk perpaduan 1
    - meningkatkan semangat kekitaan 1
    - mengelakkan semangat asabiyah 1

- mengekalkan kesinambungan tamadun 1

**(Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2)**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- iv. Usaha memelihara seni warisan bangsa dalam kalangan remaja
- mengaktifkan diri/terlibat dalam kelab permainan tradisional/kesenian 1
  - mengingati warisan nenek moyang 1
  - memakai baju tradisional semasa menyambut pelbagai perayaan/sambutan kemerdekaan 1
  - mengikuti pertandingan/aktiviti memperagakan pakaian tradisional 1

**(Nota: Usaha yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- v. Sebab bersetuju memilih tarian joget
- melambangkan identiti warisan negara 1
  - mempamerkan keunikan/keistimewaan gerakan tarian 1
  - gerak tari yang lebih mudah 1
  - memberi kesedaran kepada penonton 1

**(Nota: Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera ( 13 markah )

- (i) Frasa *adegan sumbang* bermaksud sikap buruk.
- (ii) Kesan apabila Bahasa Melayu dipinggirkan ialah :
- Anak-anak muda akan terpengaruh dengan bahasa-bahasa dari luar
  - Anak muda akan hilang jati diri bangsa
  - Bahasa Melayu akan semakin lenyap sebagai salah satu khazanah yang dibanggakan

- Masyarakat sudah tidak akan mengamalkan budi bahasa dalam kehidupan
- # terima mana-mana jawapan yang relevan (isi cukup : 4)

(iii) Pada pendapat saya, semangat mencintai bahasa Melayu semakin terhakis dalam kalangan masyarakat terutamanya anak-anak muda kerana:

- Mereka dipengaruhi budaya luar dan mengikut trend semasa
  - Bahasa Inggeris lebih dipandang sebagai bahasa yang menunjukkan kemodenan, menyebabkan bahasa Melayu semakin terhakis dalam diri anak-anak muda.
  - Pengaruh peranti-peranti yang menggunakan istilah-istilah bahasa Inggeris
  - Filem-filem luar yang mudah meresap dalam ingatan anak-anak muda
- # terima mana-mana jawapan yang relevan (isi cukup : 3)

(iv) Cadangan saya ialah :

- Menambahkan majalah-majalah berbahasa Melayu di pusat sumber
- Kata – kata motivasi berkaitan bahasa Melayu ditampal pada dinding-dinding pusat sumber
- Kamus dewan disediakan di meja belajar murid
- Pihak sekolah perlu mengadakan pertandingan bahasa secara mingguan dengan hadiah yang menarik untuk meningkatkan semangat cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan murid
- Membuat tempahan majalah bahasa Melayu secara dalam talian untuk dipinjam pada waktu petang
- Meletakkan semua buku bahasa Melayu yang menarik berdekatan dengan meja belajar murid.

# terima mana-mana jawapan yang relevan (isi cukup : 4)

Soalan 8 – Novel ( 10 markah )

Soalan 8 (i) (4 markah )

- seorang penyajak itu perlulah tenang dengan mengawal pernafasannya
- perlukan konsentrasi ketika bersajak
- mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul.



iv. jangan menyampaikan sajak dengan suara yang mendatar

[ isi cukup : 3 isi ]

Soalan 8 (ii) (6 markah)

Novel Pantai Kasih

1. Gigih berusaha demi mencapai cita-cita – Raiha gigih belajar demi menjadi seorang doktor pakar walaupun hasratnya itu mendapat tentangan daripada ayahnya sendiri yang tidak mahu dia menjadi seorang doktor pakar. Berkat kegigihannya itu akhirnya dia berjaya menjadi sorarang doktor pakar dan bertugas di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
2. Kegigihan dalam melakukan sesuatu perancangan – Dr Uwang gigih membangunkan empayar Pusat Rawatan Pantai Kasih yang bermula daripada sebuah pusat rawatan kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan eksklusif yang terkemuka.

Novel Bimasakti Menari

1. Gigih berusaha demi mencapai cita-cita – Nurul Hafsa , Muhammad Taufik dan Budiman gigih menyiapkan kertas kerja projek kawasan Simpan Langit Gelap dengan membuat pelbagai kajian dan perbincangan sebelum membentangkan laporan tersebut di hadapan Menteri Besar Selangor.
2. Kegigihan demi mengembalikan kelestarian alam sekitar.- Muhamad Taufik berusaha memulihkan kembali populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan dengan memagar kawasan seluas 50 hektar demi memastikan kawasan tersebut tidak dimasuki pelancong yang telah mengganggu pembiakan populasi kelip-kelip di kawasan tersebut. Muhamad Taufik juga mengusahakan projek perumahan Ikhtiar Teknoalam.

Soalan 9: Rumusan

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - 20 markah
- (b) Bahasa maksimum - 10 markah

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana (Selain itu, Di samping itu)

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan **2 markah** bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya **1 isi** daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

**(a) Bahasa [ 10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

**Nota:**

- i. Jika menjawab dalam bentuk point/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- ii. Jika markah isi **7 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)

- iii. Jika markah isi **6 markah ke bawah** tetapi bahasa sangat baik, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- iv. **Jika disalin bulat-bulat perkataan** demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, **berikan 0 markah bahasa**.
- v. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

## **SKEMA RUMUSAN**

### **PENDAHULUAN**

P1	Rumusan membincangkan sebab-sebab/faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya dan cara-cara mengatasi kemalangan jalan raya.	2
P2	Rumusan membincangkan sebab-sebab/faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya	1
P3	Rumusan membincangkan kesan-kesan berlakunya kemalangan jalan raya.	0

### **BAHAN 1 – PETIKAN [ FOKUS 1]**

#### **Sebab-sebab/faktor-faktor kemalangan jalan raya**

A1	sikap pengguna jalan raya yang mementingkan diri sendiri	2
A2	sikap pemandu yang sengaja memandu melebihi had laju yang ditetapkan	2
A3	sikap pemandu yang cuai semasa memandu di jalan raya	2

### **BAHAN 2 – PUISI [ FOKUS 1]**

B1	tidak sabar di jalan raya	2
B2	sikap sombong di jalan raya	2
B3	tidak bersopan santun/tidak berbudi semasa memandu	2
B4	bersikap kasar terhadap pengguna jalan raya yang lain	2
B5	menunjukkan sikap biadap terhadap pengguna jalan raya yang lain	

### **BAHAN 1 – PETIKAN [ FOKUS 2]**

#### **Cara-cara mengatasi kemalangan jalan raya**

C1	mendidik para pemandu khususnya pemandu pengangkutan awam	2
----	---	---

C2	melalui pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah	2
C3	pihak berwajib juga perlu membaiki keadaan jalan di negara kita	2
C4	pihak berkuasa juga perlu mengadakan sekatan jalan raya	2
C5	penganjuran kempen-kempen kesedaran dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya	2

### **Kesimpulan**

K	Kesimpulannya, semua pihak bekerjasama mengatasi kemalangan jalan raya supaya/agar kehilangan nyawa dapat dielakkan.	2
K2	Kesimpulannya, semua pihak bekerjasama mengatasi kemalangan jalan raya.	1
K2	Kesimpulannya, kehilangan nyawa dapat dielakkan.	0

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

## **PANDUAN CONTOH JAWAPAN KARANGAN KERTAS 1 SET 2**

### **BAHAGIAN A**

#### **PENDAHULUAN**

- Mutakhir ini sikap cinta akan negara dalam kalangan warga negara semakin pudar.
- Fenomena sebegini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana impaknya amat buruk terhadap keamanan dan kemajuan negara.
- Media massa sering dikaitkan sebagai punca dengan kebejatan sosial dan budaya hedonistik dalam kalangan remaja
- Bagaimanakah langkah-langkah boleh diambil untuk menanamkan cinta akan negara dalam diri?
- Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam diri.

#### **ISI PERTAMA**

- Menghormati dan mengibar Jalur Gemilang

- Jalur Gemilang adalah maruah negara dan tiang seri dalam menyatupadukan rakyat Malaysia di bawah satu bumbung
- Jalur Gemilang perlu dipertahan dan dihormati kerana lambang perpaduan
- Rakyat memasang Jalur Gemilang di rumah dan di kenderaan ibu bapa dengan ikatan yang teguh serta tidak mudah tercabut
- Rakyat juga akan menawarkan diri untuk upacara menaik dan menurunkan Jalur Gemilang
- “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”
- Sikap cakna terhadap kepentingan Jalur Gemilang

## **ISI KEDUA**

- Menyertai program yang diadakan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta
- Program tersebut dipenuhi dengan aktiviti yang dapat menanamkan semangat cinta akan negara
- peserta program akan dapat bercampur gaul dengan peserta lain yang berbilang kaum , berlainan budaya, dan agama.
- Antara program yang boleh disertai adalah Program Latihan Khidmat Negara dan Program Jati Diri
- Program dapat melahirkan generasi yang dapat mempelajari nilai-nilai murni dan mengetahui hal kenegaraan yang berkaitan dengan kedaulatan negara
- “di mana ada kemahuan, di situ ada jalan”
- Program dapat memupuk semangat patriotik dan merasai semangat cinta akan negara

## **ISI KETIGA**

- Melawat tempat-tempat bersejarah bersama keluarga dan rakan-rakan
- Sambil melawati tempat bersejarah, dapat mengetahui sejarah dan info berkaitan tempat tersebut
- Akan menimbulkan rasa bangga terhadap tanah air
- Tempat bersejarah yang boleh dilawati ialah A’ Famosa, bangunan Stadthuys, Kota Belanda dan Perigi Hang Tuah di Melaka
- Seni bina barat dan seni bina tamadun masyarakat timur menghasilkan panorama menarik dan suasana harmoni

- “melentur buluh biarlah dari rebungnya”
- Kesedaran awal sejak kecil yang diterapkan dapat membina sikap cinta akan negara dalam diri

#### **ISI KEEMPAT**

- Menyertai pertandingan dan mengadakan pameran mengenai sejarah negara
- Pertandingan dan pameran membolehkan saya menggunakan idea-idea kreatif untuk menzahirkan perasaan cinta akan negara
- Masyarakat akan lebih memahami berkaitan negara Malaysia
- Pertandingan yang boleh saya sertai ialah melukis gambar tokoh-tokoh negara dan kuiz pengetahuan sejarah Malaysia manakala pameran pula berkaitan sejarah negara
- Pameran diadakan sempena sambutan Hari Malaysia, rakyat mengetahui serta bangga menjadi rakyat Malaysia
- “tak kenal maka tak cinta”

#### **KESIMPULAN**

- Kesimpulannya, sikap cinta akan negara dalam diri rakyat penting untuk melahirkan warga negara yang mempunyai semangat patriotik
- Rakyat yang cinta akan negara akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri sendiri dan negara demi kemajuan dan pembangunan negara
- Semua pihak perlu berkerjasama dan memainkan peranan agar remaja seperti saya atau generasi muda dapat memilih jalan positif demi hala tuju kehidupan yang cemerlang.
- “sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna”
- Generasi muda merupakan harapan negara yang dapat membentuk sebuah negara yang maju dan makmur

#### **BAHAGIAN B**

##### **SOALAN 1**

##### **PENDAHULUAN**

- Merupakan dasar dan pokok kepercayaan dan pegangan kepada sesuatu tindakan oleh penjawat awam

- Menjadi amalan kepada semua peringkat kakitangan awam di semua peringkat organisasi.
- Mengamalkan sikap yang baik dan menghindari sikap negatif.
- Pekerja yang berkualiti, meningkatkan produktiviti

#### **ISI PERTAMA – Menghargai Masa**

- Memanfaatkan masa kerja sebaik mungkin tanpa membiarkannya berlalu tanpa melakukan sebarang kerja atau berbual-bual kosong sebaliknya menyegerakan tugas
- Kecanggihan teknologi memudahkan komunikasi dan melakukan kerja tanpa mengambil masa yang panjang – mengutamakan produktiviti – elakkan dari berbual-bual kosong
- Kerja menjadi cepat dan keputusan dapat dicapai secara bersama walaupun berbeza lokasi
- Bijak menguruskan masa kerana masa itu emas

#### **ISI KEDUA – Ketekunan Membawa Kejayaan**

- Gigih, rajin, tekun dan sabar, berdisiplin, bersemangat - fokus terhadap kerja yang diamanahkan sehingga selesai dengan sempurna
- Elakkan melakukan perkara yang sia-sia atau mudah putus asa – bercita-cita tinggi dan sanggup berkorban
- Sikap seperti melepaskan batuk di tangga harus dibuang jauh-jauh
- Menganggap masalah kerja sebagai cabaran untuk menguji kemampuan diri

#### **ISI KETIGA – Ketinggian Peribadi**

- Tertib dan baik budi bicara setiap kali berurusan dan bijak mengawal situasi
- Berilmu dan berpengetahuan luas dalam bidang kerja yang diceburi – mampu menjadi pakar rujuk
- Bertanggungjawab dalam setiap tindakan – mengelakkan sikap sombong, berpura-pura dalam tindakan dan menunjuk-nunjuk
- Sikap talam dua muka dan telunjuk lurus kelingking berkait akan memusnahkan diri dan kerja kumpulan

#### **ISI KEEMPAT – Keseronokan Bekerja**

- Menganggap kerja sebagai ibadah – boleh bertindak sendiri mengikut kesesuaian situasi tanpa tunggu arahan

- Kerja tanpa paksaan - bukan seperti pahat dengan penukul – sedia menerima tugas dengan tangan terbuka – tidak merungut atau membandingkannya dengan pekerja lain
- Sedia memberi dan menerima pendapat – bertolak ansur – proaktif - tidak cepat melatah
- Seperti kerbau dicucuk hidung

## **KESIMPULAN**

- Kesimpulan prinsip kerja berbeza-beza tertakluk kepada variasi, corak atau organisasi syarikat
- Majikan harus melayan pekerja dengan baik kepada aset syarikat – ketidakpuasan hati pekerja umpama duri dalam daging yang memungkinkan syarikat yang gah dan ternama sekali pun gulung tikar
- Para graduan pula harus memiliki ciri-ciri pekerja yang baik untuk memenuhi keperluan pasaran semasa dengan institusi pengajian tinggi membuat kajian keperluan guna tenaga kerja semasa menawarkan kursus
- Pekerja yang mempunyai prinsip kerja yang baik akan menjana pendapatan kepada syarikat dan membantu memacu ekonomi negara

## **SOALAN 2**

### **PENDAHULUAN.**

- Teknologi maklumat yang tercipta mempunyai tujuan dan sebab tertentu.
- Terciptanya teknologi maklumat adalah untuk memberikan bantuan kepada manusia terutama golongan belia untuk menyelesaikan masalah, mencetuskan kreativiti, dan menjadikan lebih berkesan atau efektif.
- Hal ini kerana belia menggunakan teknologi komunikasi untuk mempermudah urusan mereka dan perlu memperkayakan ilmu pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang melalui kemudahan internet.
- Terdapat pelbagai implikasi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi khususnya terhadap golongan remaja/belia

### **ISI PERTAMA - Kebaikan penggunaan ICT**



- Terdapat pelbagai manfaat yang manusia peroleh daripada teknologi maklumat, antaranya adalah segala kerja akan menjadi lebih pantas.
- Selain itu, kerja juga akan menjadi konsisten kerana komputer mampu melaksanakan tugas berulang-ulang kali tanpa letih.
- Ketepatan juga merupakan satu kredit kepada teknologi maklumat. Hal ini disebabkan komputer yang berupaya mengesan perbezaan yang amat kecil dan kurang melakukan kesilapan.
- Pelbagai bentuk perhubungan melalui talian diwujudkan seperti Facebook, Twitter, Myspace, Youtube dan Yahoo menjadikan Malaysia sebagai pengguna kelima tertinggi di Asia Pasifik.
- Kemunculan teknologi telah membawa banyak manfaat kepada belia sekarang untuk mencari maklumat, e-transaksi, pendidikan, berinteraksi dan mewujudkan budaya celik komputer dalam kalangan belia.

### **ISI KEDUA - Penyalahgunaan Teknologi Maklumat dan Komuniiasi**

- Kecanggihan teknologi boleh menimbulkan masalah sosial disebabkan penyalahgunaan teknologi dalam kalangan belia.
- Disebabkan pengguna tidak dapat mengawal tingkah laku sendiri apabila mereka menggunakan atau mengaplikasikan teknologi.

### **ISI KETIGA - Wujudnya Jenayah Siber.**

- melakukan pelbagai jenis jenayah siber seperti penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau data komputer, kecurian maklumat, capaian secara tidak sah ke atas sistem, menyalin perisian secara tidak sah, pengintipan, judi siber, skim cepat kaya, pornografi, penggodam, penyebaran virus
- Kewujudan penggodam misalnya. Kebanyakannya terdiri daripada golongan belia - mengakses laman web dengan mencuri maklumat peribadi orang lain dan menjual kepada pihak asing.
- Malaysia perlu menyediakan lebih ramai pakar dalam bidang pengkomputeran dan teknologi maklumat supaya negara kita tidak akan terdedah oleh penggodaman yang menjejaskan keselamatan negara.

#### **ISI KEEMPAT - Bahan-bahan pornografi**

- Mudah diperoleh melalui pengaksesan Internet dan laman web. Sebelum ini, cara mendapatkan bahan-bahan tersebut adalah melalui teknologi dari mesin cetak seperti foto, gambar dan majalah playboy dan sebagainya.
- Bahan-bahan lucah juga disebarikan melalui pita video dan cakera padat (VCD). Perkembangan teknologi maklumat telah menyebabkan bahan pornografi tersebar dengan cepat.
- Tambahan pula, kemajuan teknologi seperti kamera dengan resolusi tinggi HD pada telefon pintar telah mewujudkan aktiviti rakaman video lucah dalam kalangan belia.
- Lebih serius lagi, rakaman tersebut juga boleh dimuat naik ke Internet selain penyebaran melalui telefon bimbit.

#### **ISI KELIMA - Kewujudan budaya plagiarisme**

- Semakin serius dan merebak dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi universiti.
- Budaya plagiarisme boleh dimaksudkan seseorang telah menggunakan idea orang lain. Mengambil hak cipta orang lain menjadi hak persendirian.
- Sebagai contoh, golongan belia telah menyalahgunakan teknologi sebagai satu cara untuk memudahkan dan menyiapkan kerja sekolah dan tugas mereka dengan meniru, menciplak dan *copy dan paste* maklumat dan hasil kerja orang lain melalui Internet.
- Budaya plagiarisme ini merupakan jenayah akademik. Pihak universiti perlulah bertanggungjawab dan berusaha mencegah gejala plagiarisme yang berlaku semakin menular di universiti. Selain itu, penyalahgunaan teknologi canggih dalam kalangan belia juga akan menyebabkan imej negara terjejas dan tercemar.
- Jadi, belia-belia haruslah pandai menggunakan teknologi komunikasi dan jangan menjadikan teknologi komunikasi menjadikan satu alat yang memburukkan imej negara.

#### **KESIMPULAN**

- Kesimpulannya, teknologi boleh membawa kesan positif atau kesan negatif terhadap belia.
- Kewujudan kedua-dua kesan tersebut adalah bergantung kepada tujuan dan cara pengguna mengaplikasikan teknologi sama ada dengan cara yang betul atau salah dan sesuai atau tidak sesuai.

- Dengan ini, belia perlu betul-betul mempunyai akal dan berfikiran waras untuk menilai perkara yang boleh dilakukan dan perkara yang tidak boleh dilakukan melalui teknologi.
- Oleh sebab itu, belia perlu berusaha mewujudkan budaya penggunaan teknologi yang sihat dalam penggunaan teknologi maklumat untuk menggerak pembangunan dan kemajuan negara kita di samping mengejar arus globalisasi yang semakin pantas.

### **SOALAN 3**

#### **PENDAHULUAN**

- Pada masa kini, kerajaan telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal atau *Technical and Vocational Education and Training (TVET)*.
- Hal ini bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pendidikan kemahiran
- Kerajaan berhasrat menerapkan pendidikan kemahiran kepada pelajar untuk lepasan sekolah menengah ke pasaran pekerjaan.
- Persoalannya, apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat tersebut?
- Oleh itu, marilah kita membincangkan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

#### **ISI PERTAMA**

- Antara usahanya termasuklah memantapkan sistem penilaian bagi mata pelajaran teknik dan vokasional.
- Sebagai contoh, penilaian hasil kerja individu dan kumpulan perlu diambil kira bukan hanya bergantung kepada teori sahaja.
- Pelajar juga boleh diberikan tugas secara berkumpulan supaya dapat meningkatkan kemahiran.

#### **ISI KEDUA**

- Selain itu, boleh meningkatkan kemahiran dan tenaga pengajar.
- Kemahiran tenaga pengajar TVET boleh ditingkatkan lagi melalui latihan kemahiran sama ada di dalam dan di luar negara.

- Tenaga pengajar yang mahir dapat melatih pelajar dan mengasah kemahiran dengan lebih lagi.

### **ISI KETIGA**

- Seterusnya, memilih pelajar yang berdedikasi dan berdisiplin juga merupakan usaha untuk merealisasikan hasrat kerajaan.
- Hal ini supaya pelajar yang memasuki ke Kolej Vokasional atau Kolej Profesional Mara merupakan pelajar yang komited untuk mengasah kemahiran mereka.
- Pelajar ini juga dapat mensasarkan peluang pekerjaan yang mereka mahu ceburi

### **ISI KEEMPAT**

- Akhir sekali, memperkukuh Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional
- Kurikulum tersebut perlu menghubungkan aspek ICT, inovasi dan kreativiti.
- Hal ini supaya pelajar mampu berdaya saing dan tidak tercicir apabila memasuki bidang pekerjaan kelak.

### **KESIMPULAN**

- Kesimpulannya, banyak usaha yang boleh dilaksanakan bagi melaksanakan hasrat kerajaan.
- Usaha-usaha ini bagi membolehkan pelajar-pelajar yang berpotensi dilatih untuk menjadi tenaga kerja profesional dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.
- Hal ini sememangnya langkah yang bijak bagi membantu pelajar yang tercicir dalam pelajaran tetapi mampu menjadi insan yang cemerlang dalam bidang kemahiran.

### **SOALAN 4**

#### **PENDAHULUAN**

- Definisi pekerja kolar baharu - ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
- Perlu menguasai pelbagai kemahiran asas untuk meningkatkan kualiti diri
- Kebolehpasaran yang luas dalam sektor guna tenaga
- Perlunya kemahiran tambahan sebagai nilai tambah pada setiap individu berkenaan

### **ISI PERTAMA -Penguasaan dalam Kemahiran Dwibahasa**

- Perlu memahami dan memiliki pelbagai bahasa
- Mampu menyerap pelbagai ilmu pengetahuan daripada pelbagai sumber maklumat
- Contoh pelbagai ilmu pengetahuan seperti teknologi maklumat, perindustrian, pendidikan, perubatan, komunikasi, dan sebagainya
- Memudahkan komunikasi dengan pelbagai syarikat atau organisasi perniagaan daripada pelbagai negara.

### **ISI KEDUA -Kemahiran berkomunikasi yang baik**

- Memiliki skil komunikasi yang baik dan mampu memberikan idea bernas
- Berkeyakinan menyatakan pendapat dan hubungan sosial yang luas
- Contoh – bergaul dengan pelbagai golongan masyarakat tanpa mengira taraf kedudukan dan pangkat seseorang.
- Majikan suka menggajikan pekerja yang mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik dan meluahkan perasaan dengan cara yang jelas, sama ada secara bertulis atau bercakap.
- Komunikasi tidak tepat atau tidak sesuai antara pekerja boleh menyebabkan banyak masalah kepada syarikat. Akhirnya menjejaskan imej syarikat atau organisasi.

### **ISI KETIGA – Memiliki pengetahuan ICT yang baik**

- Perlu mengandakan kebolehan dalam penguasaan ICT
- Memudahkan dan mempercepatkan segala urusan dan menyimpan maklumat dalam skala yang besar
- Pelbagai aplikasi – Google, Explore, Words, Telegram, Powerpoint, Skype, Wassapp
- Multiskil dalam kemahiran ICT amat diperlukan
- Setanding pekerja di negara-negara maju.

### **ISI KEEMPAT – Memiliki integriti dan kejujuran**

- Integriti merujuk kepada sifat jujur dan telus dalam menjaga nama baik daripada melakukan sebarang bentuk penyelewengan.

- Seseorang yang tiada kesedaran integriti dalam dirinya, pasti akan menganggap segala perlakuan dan tingkah lakunya tidak salah dari sudut etika kerja.
- Integriti merupakan ciri yang paling penting bukan sahaja untuk kejayaan dalam kehidupan tetapi termasuk di tempat kerja.
- Perlu bersikap jujur dengan majikan dan rakan-rakan kerja jika mereka mampu bersikap jujur dengan diri sendiri.
- Dengan bersikap jujur dan amanah, dapat melihat perbezaan kualiti diri yang ketara berbanding pekerja-pekerja yang lain.

### **ISI KELIMA –Kepimpinan dan melaksanakan tanggungjawab**

- Kepimpinan dalam konteks ini adalah pekerja yang cekap dan sanggup menerima tanggungjawab untuk membuat sebarang keputusan yang tepat.
- Mereka bersedia untuk menjadi pemimpin dengan menawarkan diri untuk berusaha mencari strategi yang baik
- Berusaha mencapai matlamat organisasi yang disasarkan dan mengekalkan reputasi diri dan nama baik syarikat dan organisasi.
- Menarik perhatian dan mengukuh keyakinan pelbagai rakan kongsi perniagaan.

### **KESIMPULAN**

- Pelbagai kemahiran diperlukan untuk menjadi pekerja yang berkebolehan.
- Mampu meningkatkan kualiti diri dan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan.
- Bersedia menerima tanggungjawab dan mampu menghadapi apa-apa juga cabaran atau teguran majikan
- Perlu menguasai pelbagai kemahiran sama ada kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah agar setanding dengan pekerja negara yang lebih maju

### **PANDUAN JAWABAN KERTAS 2 (SET 2)**

Soalan 1 : Morfologi ( 8 markah )

#### **Strategi menjawab :**

1. Calon dikehendaki menyenaraikan **dua kata penguat** dan **dua kata bantu** terlebih dahulu.

2. Kemudian calon perlu membina ayat berdasarkan **dua kata penguat** dan **dua kata bantu** yang telah disenaraikan mengikut urutan yang betul.

KATA PENGUAT	KATA BANTU
amat	harus
sekali	perlu

- Beri 1 markah untuk setiap kata penguat dan kata bantu yang betul .
- Beri 1 markah untuk setiap ayat yang betul .

Soalan 2 – Sintaksis ( 6 markah )

1. Kesilapan menguruskannya akan menjadikan remaja hilang arah dan tewas.
  - i. Kesilapan menguruskannya akan menjadikan remaja hilang arah.
  - ii. Kesilapan menguruskannya akan menjadikan remaja tertewas.
2. Hal ini akan membantutkan usaha pembangunan negara yang bercita-cita menjadi negara maju pada masa akan datang.
  - i. Hal ini akan membantutkan usaha pembangunan negara .
  - ii. Negara bercita-cita menjadi negara maju pada masa akan datang.
3. Kesan kegagalan remaja menangani perkara ini dengan baik amat besar kepada bangsa dan negara.
  - i. Kesan kegagalan remaja menangani perkara ini dengan baik amat besar kepada bangsa.
  - ii. Kesan kegagalan remaja menangani perkara ini dengan baik amat besar kepada negara.

Soalan 3 : Penyuntingan ( 11 markah )

**Strategi menjawab :**

1. Calon dikehendaki menyenaraikan **11 kesalahan bahasa** terlebih dahulu.
2. Kemudian calon perlu membetulkan kesalahan bahasa tersebut mengikut susunan yang telah disenaraikan.
3. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan bahasa, tandakan setakat 11 sahaja.

Bil.	Kesalahan Bahasa	Pembetulan

Petikan 1			
1.	dijangkiti	menjangkiti	(imbuhan)
2.	faktur	faktor	(ejaan)
3.	anggota-anggota	anggota	(bahasa)
4.	jagaan	rawatan	(istilah)
5.	dari	daripada	(bahasa)
6.	kedudukan	kedudukan	(ejaan)
Petikan 2			
1.	di wawancara	diwawancara	(ejaan)
2.	pendemik	pandemik	(ejaan)
3.	mempastikan	memastikan	(imbuhan)
4.	di antaranya	antaranya	(bahasa)
5.	kemunculan	kemasukan	(istilah)

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard ( 6 markah )

Sultan bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, perintahkan pengawal dan semua saudagar berkawal di kampung mereka!” Maka Temenggung pun menyampaikan titah tersebut kepada orang-orang kaya dan saudagar yang terlibat untuk berkawal di kampung mereka. Setibanya waktu malam, Temenggung menugaskan orangnya berkawal dengan lembing, perisai dan kesemua saudagar masing-masing berkawal di kampung mereka.

Soalan 5 – Peribahasa ( 4 markah )

PERIBAHASA	PERIBAHASA SAMA MAKSUD
i. Bagai ikan pulang ke lubuk	Seperti belut pulang ke lumpur/ seperti gagak pulang ke benua
ii. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	Bagai aur dengan tebing/ ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni



Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum ( 12 markah )

i.	Maksud kekal relevan ialah	M
P1	tetap berkait	2
P2	Tetap relevan	1
P3	Kekal berkait	0

ii.	Perbezaan pakaian moden berunsurkan tradisional dan pakaian tradisional Melayu ialah
	<b>BAHAN 1</b>
P1	Dihasilkan daripada kain tenun pakaian tradisi etnik Rungus yang digabungkan bahan Corduroy( Denim) dan Chiffon.
P2	Berkonsep “ sedia untuk dipakai”
	<b>BAHAN 2</b>
P3	Dipadankan dengan kain tradisional seperti songket atau batik.
P4	Banyak cara pemakaian.

iii.	Usaha yang boleh diambil untuk mempopularkan pakaian tradisional negara di peringkat global.
P1	Galakan menyertai ekspo dan pameran fesyen antarabangsa
P2	Giat mengambil bahagian dalam pertandingan fesyen peringkat global.
P3	Media massa melakukan publisiti atas bantuan selebriti ataupun Youtuber berkaitan.
P4	Pelancaran minggu fesyen pakaian tradisional di setiap bandar besar dunia melalui konsular Malaysia.
P5	Usaha sama dengan agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan yang bergandingan cenderamata berbentuk pakaian tradisional.

iv.	Unsur-unsur yang akan ditekankan dalam usaha mereka busana tradisional yang memenuhi cita rasa pengguna abad ke-21 ialah
P1	Mudah dan senang dipakai

P2	Penggunaan tekstil tradisional berkualiti
P3	Menonjolkan kecantikan ataupun susuk badan
P4	Unsur tradisional ditonjolkan melalui butang ataupun lipatan

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera ( 13 markah )

No	Cadangan Jawapan	Markah
(i)	Maksud Kuselusuri alam adalah	2 <i>Markah</i>
(ii)	Bukti-bukti kemusnahan alam sekitar ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemusnahan hutan</li> <li>- Pencemaran sungai</li> <li>- Kepupusan hidupan akuatik</li> <li>- kemusnahan tanam-tanaman</li> </ul>	4 <i>Markah</i>
(iii)	Punca pencemaran ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>- sikap manusia yang tidak bertanggungjawab</li> <li>- sikap manusia mementingkan diri dan bersifat materialistik</li> <li>- penguatkuasaan undang-undang yang longgar</li> <li>- hukuman ringan</li> <li>- kurang cakna akan kepentingan alam sekitar</li> </ul>	3 <i>Markah</i>
(iv)	Langkah-langkahnya ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- saya dan rakan membuang sampah dalam tong sampah yang disediakan</li> <li>- mengajar pengunjung lain untuk menjaga kebersihan</li> <li>- memberi cadangan kepada pihak pengurusan</li> </ul>	4 <i>Markah</i>

Soalan 8 – Novel ( 10 markah )

Soalan 8 (i) (4 markah )

1. Reka bentuk yang diinspirasi oleh rumah api Alamnara, Somalia	1 m
--	-----

2. Menonjolkan reka bentuk kubah yang lazim digunakan oleh banyak bangunan balai cerap	1 m
3. Bangunan ini juga menambah sebuah platform yang mengelilingi kubah tersebut	1 m

[ isi cukup : 3 isi ]

Soalan 8 (ii) (6 markah)

<b>Novel Pantai Kasih</b>	<b>Novel Bimasakti Menari</b>
<p><b>1. Tanggungjawab seorang ibu terhadap anaknya (1 m)</b></p> <p><b>Peristiwa :</b> Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya yang walaupun disuruh oleh suaminya Dr Sadiz kerana amat menyayangi anaknya itu walaupun didapati mempunyai penyakit Sindrom Down. Peristiwa ini menunjukkan nilai tanggungjawab seorang ibu untuk memastikan anak yang dikandungnya itu dapat dilahirkan. (3m)</p>	<p><b>1. Tanggungjawab abang terhadap adik kandung (1m)</b></p> <p><b>Peristiwa:</b> Budiman bertanggungjawab menemani adiknya Nurul Hafsa untuk berjumpa dengan Muhammad Taufik bagi menjaga hubungan adiknya dengan lelaki bukan mahram walaupun pertemuan mereka berbincang tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap. Peristiwa ini menunjukkan nilai tanggungjawab seorang abang dalam menjaga kehormatan adik perempuan. (3 m)</p>
<p><b>2. Tanggungjawab seorang doktor terhadap pesakitnya (1m)</b></p> <p><b>Peristiwa :</b> Doktor Raiha yang menerima tugas daripada Doktor Uwang untuk melakukan pembedahan tulang sendi pinggul ke atas Unong Siron kerana dia merasakan tugas tersebut menjadi tanggungjawab seorang doktor untuk memastikan pembedahan yang akan dilakukannya berjaya serta pesakit yang dirawatnya akan sembuh. (3m)</p>	<p><b>2. Tanggungjawab bapa terhadap anak (1m)</b></p> <p><b>Peristiwa :</b> Tan Sri Muhaimin seorang bapa yang bertanggungjawab kerana beliau menjaga dan membesarkan anak tunggalnya Muhammad Taufik, seorang diri selepas bercerai dengan isterinya Puan Wickham. Peristiwa ini menunjukkan nilai tanggungjawab seorang bapa dalam membesarkan anak seorang diri. (3m)</p>

( Jawapan lain yang relevan diterima)

Soalan 9: Rumusan

<b>Perenggan</b>	<b>Jawapan</b>	<b>Markah</b>
<b>Pendahuluan</b>	Rumusan membincangkan peranan / tanggungjawab kaunselor di sekolah	2 markah
<b>Bahan 1 : Petikan</b>	S1-menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi.	2 markah

<b>Fokus 1 :</b> <b>Peranan tanggungjawab kaunselor di sekolah</b>	S2-memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.	2 markah
	S3-memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri.	2 markah
	S4-murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupann	2 markah
	S5-membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya.	2 markah
	S6- membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan sendiri	2 markah
	S7-memahamkan murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar.	2 markah
	S8-memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid.	2 markah
<b>Fokus 2</b> <b>Kebaikan murid berjumpa dengan kaunselor</b>	S1-dapat meningkatkan perlakuan yang baik	2 markah
	S2-panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai	2 markah
	S3-membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup.	2 markah
	S4-dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran.	2 markah
	S5-meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah	2 markah
<b>Bahan 2 : Grafik</b> <b>Peranan Unit Bimbingan dan Kaundeling</b>	S1-menyediakan Khidmat Nasihat	2 markah
	S2-memberikan Bimbingan Kerjaya	2 markah
	S3-Meningkatkan Motivasi Murid	2 markah
<b>Kesimpulan</b>	Kesimpulannya, <b>setiap murid</b> digalakkan berjumpa kaunselor <b>agar</b> dapat meningkatkan keyakinan diri demi menjamin masa depan yang cerah.	2 markah

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)